

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

**SOALAN**

DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- (a) Adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Hospital Bintulu? Jika ya, bilakah pelaksanaan dimulakan; dan
- (b) Apakah status permohonan dan perancangan Kementerian untuk menambah tempat letak kereta di Hospital Bintulu memandangkan Hospital Bintulu menerima ramai pesakit termasuk Tatau dan Belaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Bintulu merupakan sebuah hospital pakar minor yang telah beroperasi sejak tahun 2000. Ia mempunyai jumlah katil sebanyak 294 dan nisbah penggunaan katil (2019) sebanyak 80%. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menaiktaraf Hospital Bintulu, Sarawak.
2. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan **bercadang untuk membina Blok Klinikal Baru** di Hospital Bintulu yang merangkumi antaranya wad, klinik, dewan bedah, dewan bersalin dan lain-lain lagi. Projek ini **akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Ke-12** (RMK-12) akan datang.

3. Berkenaan tempat letak kereta di Hospital Bintulu pula, Kementerian Kesihatan pernah menerima permohonan dari pihak Yang Berhormat Ahli Parlimen Bintulu pada 4 April 2017 bagi memberikan kebenaran untuk menambah ruang Tempat Letak kereta (TLK) sedia ada di hospital berkenaan di atas sebidang tanah berkeluasan 1.5 ekar yang terletak berhampiran pintu masuk utama hospital. Kementerian Kesihatan pada 14 April 2017 memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan tidak mempunyai sebarang halangan terhadap permohonan Yang Berhormat tersebut, iaitu bagi membina tapak TLK sementara melalui kaedah merata dan menurap tapak yang dicadangkan tersebut menggunakan sumber peruntukan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, **jumlah lot TLK sedia ada di Hospital Bintulu adalah sebanyak 470 lot.**

4. Kementerian Kesihatan pada masa yang sama sedang mencari **penyelesaian holistik** bagi mengatasi masalah kesesakan dan kekurangan lot tempat letak kereta di semua fasiliti kesihatan milik Kementerian ini. Antaranya bagi **inisiatif jangka panjang**, terdapat **cadangan pembinaan kompleks TLK bertingkat secara kerjasama awam swasta**, di mana projek rintis sedang dilaksanakan di beberapa buah hospital di kawasan Lembah Klang. Sekiranya projek tersebut berjaya, pelaksanaan projek tersebut akan diperluaskan ke fasiliti-fasiliti kesihatan lain mengikut keperluan tertakluk kepada kecukupan ruang tanah bagi melaksanakan projek dan juga keupayaan orang awam untuk membayar caj TLK yang akan dikenakan oleh pihak swasta tersebut.

Sekian, terima kasih.